

Headline **Jalani ujian HIV sebelum berkahwin**
 Date **03. Apr 2009** Language **MALAY**
 Media Title **Sinar Harian (Pahang)** Page No **8**
 Section **NEWS** Article Size **284** cm2
 Circulation **60000** Frequency **Daily**
 Readership **0** Color **Black/White**
 AdValue **1139.68**



Jalani ujian HIV sebelum berkahwin

BANDAR TEMERLOH - Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) mewajibkan bakal pengantin menjalani ujian HIV untuk memastikan mereka bebas jangkitan Aids yang boleh memudaratkan kesihatan generasi akan datang.

Timbalan Yang Dipertua MUIP dan Adat Istiadat Melayu Pahang, Datuk Seri Wan Abd Wahid Wan Hassan berkata, MUIP membuat keputusan itu memandangkan kini ramai yang tidak berdosa dihidapi penyakit membawa maut tersebut.

Menurutnya, MUIP terpaksa mengambil langkah itu untuk membendung gejala penyakit itu daripada terus menular dan membawa kesengsaraan kepada orang lain yang tidak berdosa.

"MUIP tidak memandang ringan Aids dalam kalangan anak-anak muda, terutama golongan Melayu kerana penglibatan mereka dengan penagihan dadah dan kegiatan yang tidak bermoral.

"Kita tidak boleh memandang ringan masalah ini dan menganggap kewajipan menjalani ujian HIV sebagai menyusahkan, sebaliknya, peraturan itu perlu dikuatkuasakan agar kita dapat melahirkan umat Islam yang bebas daripada gejala tersebut," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas merasmikan penutupan Kursus Pengurusan Jenazah HIV/Aids dalam kalangan imam dan pegawai masjid daerah Temerloh di Dewan Tun Razak, di sini.

Seramai 154 imam menyertai kursus tersebut.

Hadir sama, Kadi Daerah, Shahrudin Muhammad Nor.

Wan Abd Wahid berkata, terpujag pada pasangan masing-masing, sama ada mahu meneruskan perkahwinan atau sebaliknya jika mengetahui bakal suami mereka didapati menghidap penyakit bahaya tersebut.

Menurutnya, MUIP menasihati mereka yang menghidap Aids agar menanggukkan perkahwinan bagi membolehkan menjalani rawatan pemulihan di hospital.

"Saya juga berharap pasangan tersebut meninggalkan kegiatan yang boleh mengundang penyakit tersebut seperti penagihan dadah dan hubungan seks kerana ia adalah punca utama," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, MUIP akan membina rumah untuk menempatkan balu yang kematian suami akibat penyakit Aids.

Beliau menasihati masyarakat agar tidak menyisihkan balu-balu terabit kerana mereka tidak bersalah, malah perlu memberikan perangsang kepada mereka dan anak-anak untuk meneruskan kehidupan.



● Seramai 154 imam, pegawai masjid daerah Temerloh menyertai kursus pengurusan jenazah HIV/Aids di Dewan Tun Razak, di sini semalam.